

06/08/2004

Istilah tersirat menjelang Perhimpunan Agung Umno

By Abd Rahman Sulaiman

KEMPEN untuk mendapat undi bagi pelbagai jawatan yang dipertandingkan pada Perhimpunan Agung Umno serta tiga sayap pentingnya - Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri - September ini sebenarnya sedang rancak dan cukup menarik, walaupun pada hakikatnya beraneka sekatan dikenakan mengikut etika pemilihan yang diluluskan Majlis Tertinggi (MT) parti.

Oleh kerana hampir keseluruhan jawatan utama dimenangi tanpa bertanding, kecuali dalam Pergerakan Puteri, tumpuan nampaknya berpusat kepada perebutan untuk jawatan naib presiden dan 25 kerusi biasa MT.

Dalam keghairahan berkempen itu, satu fenomena yang mungkin tidak disedari oleh ramai di kalangan bukan ahli Umno, tetapi cukup popular di kalangan ahli parti, terutama bagi calon dan anggota perwakilan ke perhimpunan itu nanti ialah penggunaan istilah tertentu atau singkatan istilah yang unik dan kadang kala melucukan.

Istilah ini digunakan secara terhad dalam komunikasi antara calon atau ejen mereka atau sebaliknya untuk berseloroh atau untuk menyampaikan sesuatu mesej yang tersirat.

Antaranya ialah G6, G7, pungut zakat, salam kosong, salam berisi, takut salah kalah, minta undi dengan air liur dapat air liur dan sebagainya. G6 dan G7 sebenarnya singkatan daripada perkataan Inggeris Group of Six dan Group of Seven.

Untuk perhimpunan agung kelak, setiap bahagian Umno di seluruh negara akan menghantar 13 anggota perwakilan yang terdiri daripada enam pegawai bahagian dan tujuh anggota yang dipilih secara undi sulit ketika mesyuarat perwakilan bahagian masing-masing.

Enam anggota G6 yang dimaksudkan ialah Ketua Bahagian, Timbalan Ketua Bahagian, Naib Ketua Bahagian, Ketua Pemuda, Ketua Wanita dan Ketua Puteri Bahagian yang menjadi anggota perwakilan secara automatik di bawah peruntukan perlembagaan parti.

Entah kenapa secara lazimnya tiap seorang daripada 13 orang itu juga disebut sebagai perwakilan, bukan wakil.

Istilah pungut zakat, salam kosong dan salam berisi membawa maksud tersirat yang ada hubung kaitnya dengan politik wang, sementara takut salah kalah dan minta undi dengan air liur dapat air liur mengandungi unsur ugutan kepada calon yang terlampau berhati-hati.

Perkara berkenaan sengaja penulis timbulkan untuk memberi gambaran betapa politik wang yang begitu banyak diperkatakan masih wujud atau sekurang-kurangnya tampak wujud dan diamalkan pada musim pemilihan sekarang.

Ini berlaku walaupun usaha memerangnya dilancarkan secara bersungguh-sungguh sejak beberapa tahun lalu.

Meskipun tiada siapa yang sanggup membuktikan bahawa calon atau wakil tertentu terbabit, hakikat bahawa amalan ini diperkatakan secara terbuka tanpa segan silu di kalangan calon dan perwakilan adalah sesuatu yang amat mendukacitakan.

Sebagai contoh, penulis yang secara kebetulan adalah seorang anggota G7, baru-baru ini dihubungi melalui telefon oleh seorang calon MT yang meminta undi.

Tanpa sebarang provokasi, calon itu yang juga seorang ulama berkata, beliau hanya minta undi dengan air liur kerana beliau berpegang teguh kepada konsep Islam Hadhari.

Saya tidak salahkan calon ini kerana tujuan beliau mungkin untuk

berseloroh. Tetapi pada masa sama, saya agak tersinggung kerana seolah-olah ada anggapan bahawa setiap anggota G7 yang kebanyakannya terpaksa berhempas pulas bertanding untuk menjadi perwakilan di bahagian masing-masing adalah orang yang kaki duit.

Persepsi ini sebenarnya adalah salah. Begitu juga halnya dengan anggapan bahawa anggota G6 yang juga pegawai bahagian adalah golongan yang rasional yang hanya akan menilai calon berdasarkan kepada kewibawaan masing-masing.

Apapun rasional yang digunakan dalam membuat penilaian, setiap wakil wajib bertanggungjawab, jujur dan amanah terhadap ahli pada peringkat akar umbi yang memilih mereka.

Ini adalah pra-syarat utama kalau politik wang hendak dihapuskan. Cadangan lain, termasuk memperkenalkan meritokrasi dalam parti seperti yang pernah diutarakan oleh Naib Presiden, Datuk Seri Najib Razak atau menurunkan kuasa memilih secara langsung ke peringkat akar umbi, akan memakan masa untuk dilaksanakan dan hanya boleh dipertimbangkan selepas pemilihan akan datang.

Untuk memastikan pemilihan September ini bersih, setiap perwakilan dan calon yang bertanding harus berhenti dengan serta-merta daripada membabitkan diri dengan sebarang kegiatan yang menyalahi etika.

Mereka harus mengelakkan diri daripada bercakap mengenai pembelian atau penjualan undi atau sebarang bentuk imbuhan secara terbuka tanpa segan silu, apatah lagi untuk menjadikannya bahan lawak jenaka.

Politik wang adalah rasuah. Rasuah adalah satu jenayah. Sebarang bentuk jenayah adalah sesuatu yang serius, sama seriusnya dengan merogol, merompak, menyamun, membunuh dan seumpamanya.

Adalah juga dicadangkan agar Najib yang juga menjalankan tugas Timbalan Presiden pada ucapan perasmian Perhimpunan Pemuda, Wanita dan Puteri menyentuh perkara ini. Pemangku Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dalam amanat beliau sebelum pengundian dijalankan juga boleh membincangkan perkara ini. Jika perlu, beliau boleh dengan tegas meminta perwakilan menolak calon yang rasuah.

Ini pernah dilakukan oleh bekas Presiden, Tun Dr Mahathir Mohamad beberapa tahun dulu.

Sekiranya selepas pengundian dibuat dan ada bukti kukuh bahawa wujud di kalangan calon yang memang terbabit dengan amalan politik wang, Jawatankuasa Disiplin parti harus bertindak tegas untuk melucutkan jawatan calon terbabit.

Kalau ini dapat dilakukan, ia akan menjadi isyarat jelas untuk semua ahli Umno dalam menghadapi pemilihan akan datang, pada peringkat apa jua sekali pun. Semoga Umno, orang Melayu dan Malaysia terus selamat.

* Abdul Rahman Sulaiman ialah bekas Ketua Pengarang Bernama. Beliau pernah menjadi Ketua Umno Bahagian selama dua penggal dan ahli Parlimen selama sepenggal.

(END)